

KERTAS LATIHAN PEPERIKSAAN 6

Nama : _____

Darjah : _____

Tarikh : _____

Masa: 1 jam 40 min

Markah
90

BAHAGIAN A IMBUHAN (10 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Dina dan kawan-kawannya sedang
memikirkan aktiviti seterusnya mereka. Mereka
telah pun (1)_____ khemah di hutan
itu. Mereka akan (2)_____ di situ
selama tiga hari. Ibu bapa mereka telah
memberi (3)_____ kepada mereka
semua.
Mereka pun (4)_____ tugas.

1. (1) didirikan
(2) mendirikan
(3) pendirian
(4) terdiri ()
2. (1) berada
(2) keadaan
(3) diadakan
(4) mengadakan ()
3. (1) dibenarkan
(2) kebenaran
(3) membenar
(4) sebenar ()
4. (1) dibahagi
(2) membahagi-bahagikan
(3) pembahagian
(4) terbahagi ()

Dina, Arshad dan Ling akan (5)_____

kayu sementara John, Bala dan Mei

(6)_____ air. Tina dan Sheela

(7)_____ menjaga kawasan

perkemahan mereka.

Senja pun tiba. Kumpulan remaja itu

(8)_____ diri di sungai yang

(9)_____. Setelah itu, mereka duduk

di keliling unggun api yang telah mereka

(10)_____. Mereka bersembang

tentang pelbagai perkara termasuk rancangan

masa depan masing-masing.

5. (1) dicari
(2) mencari
(3) pencari
(4) tercari ()

6. (1) ambilkan
(2) diambil
(3) mengambil
(4) terambil ()

7. (1) bertugas
(2) ditugaskan
(3) menugaskan
(4) petugas ()

8. (1) dibersihkan
(2) kebersihan
(3) membersihkan
(4) pembersihan ()

9. (1) berdekatan
(2) didekatkan
(3) mendekatkan
(4) pendekatan ()

10. (1) dihidupkan
(2) hidupan
(3) hidupan
(4) kehidupan ()

BAHAGIAN B PERIBAHASA (5 × 2 markah)

Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Nizam dan Malek berada di perpustakaan. Mereka sedang (11) belajar bersungguh-sungguh untuk peperiksaan akan datang. Nizam meminta bantuan Malek dalam mata pelajaran Sains. Malek memang (12) ada bakat dalam mata pelajaran tersebut. Dia sering mendapat markah tertinggi dalam mata pelajaran Sains. Apa sahaja yang Cikgu Lim ajarkan di kelas dapat difahaminya dengan mudah kerana dia (13) cepat menerima pelajaran.

Tiba-tiba, mereka terdengar suara dua pelajar berbual dengan kuat. Kedua-dua pelajar yang (14) muka tembok itu sedang bersembang dengan suara lantang tanpa menghiraukan orang di sekeliling.

Perbuatan mereka mengganggu ketenteraman orang ramai. Seorang pemuda menegur mereka tetapi mereka berdegil juga.

11. (1) tahan uji
(2) berani mati
(3) tajam ingatan
(4) memerah otak ()
12. (1) mempunyai minat
(2) mempunyai tarikan
(3) mempunyai kemahiran
(4) mempunyai kemahuan
()
13. (1) ada akal
(2) lurus akal
(3) tajam akal
(4) panjang akal ()
14. (1) tidak adil
(2) tidak jujur
(3) tidak tahu malu
(4) tidak berhati-hati
()

Akhirnya, seorang pustakawan terpaksa
(15) masuk campur dan menyuruh mereka
keluar. Nizam dan Malek meneruskan ulangkaji
mereka.

15. (1) cari jalan
(2) tolak ansur
(3) orang tengah
(4) campur tangan

()

BAHAGIAN C GOLONGAN KATA (5 × 2 markah)

Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

Sayur-sayuran sangat mustahak kepada
manusia. Ia (16) _____ vitamin-

16. (1) melibatkan
(2) mengandungi
(3) mendapati
(4) mengisikan ()

vitamin yang sangat diperlukan oleh badan

17. (1) dicegah
(2) dihentikan
(3) dibatalkan
(4) dikurangkan ()

manusia. Pelbagai penyakit juga boleh

(17) _____ jika kita sering makan

sayur-sayuran.

Antara zat yang boleh (18)_____	18. (1) diambil (2) digunakan (3) diperolehi (4) didapati ()
dengan memakan sayur-sayuran ialah	
vitamin A yang membantu menjaga kesihatan	19. (1) memulihkan (2) menjadikan (3) menjauhkan (4) melindungi ()
mata dan kulit. Vitamin A juga boleh	
(19)_____ kita daripada bermacam-	20. (1) Selain (2) Dengan (3) Dari (4) Walaupun ()
macam jangkitan. Antara sayur-sayuran	
yang mengandungi vitamin A ialah lobak,	
kangkong dan labu.	
(20)_____ vitamin, sayur-	
sayuran juga mengandungi serat yang	
menolong sistem penghadaman kita. Oleh itu,	
kita haruslah memakan sayur-sayuran setiap	
hari agar badan kita sentiasa sihat.	

BAHAGIAN D KEFAHAMAN 1 (5 × 2 markah)

Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Australia sangat terkenal dengan keindahan alam sekitarnya. Namun, tahukah kamu bahawa sesetengah kawasan di Australia merupakan tempat tinggal beberapa spesis binatang paling berbahaya di dunia? Bukan sahaja di darat, malah di lautan biru yang mengelilingi Australia juga terdapat spesis binatang yang telah menyebabkan banyak kematian di negara itu.

Ampai-ampai kotak yang **menghuni** perairan utara Australia mempunyai sengat yang sangat beracun. Ampai-ampai jenis ini kecil dan hampir telus. Oleh itu, bukanlah mudah untuk mengesan ampai-ampai ini. Sesungut ampai-ampai ini pula sangat halus dan panjang. Seseorang yang terkena sesungut ampai-ampai ini tidak akan merasakan apa-apa sehinggalah racun tersebut telah merebak ke seluruh badannya.

Biasanya, mangsa sengatan ampai-ampai akan keluar dari air sambil menjerit kesakitan. Pernafasan serta degupan jantung mangsa gigitan ampai-ampai akan berhenti dalam masa beberapa minit sahaja, menyebabkan mangsa rebah di tanah. Kesakitan yang dialami boleh dikurangkan dengan membubuh cuka di kawasan yang disengat tetapi mangsa tersebut perlu dikejarkan ke hospital dengan segera untuk menghapuskan racun daripada badannya. Di Australia, lebih ramai orang mati kerana sengatan ampai-ampai ini berbanding orang yang mati disengat ular atau diserang jerung dan buaya.

Satu lagi jenis ampai-ampai yang berbahaya ialah ampai-ampai *irukandji*. *Irukandji* merupakan nama sebuah suku kaum asli yang tinggal di utara Australia. Namun, ampai-ampai ini boleh didapati di beberapa kawasan lain di dunia. Ampai-ampai *irukandji* ini sebesar satu sentimeter sahaja tetapi sesungutnya boleh mencapai kepanjangan 35 sentimeter! Menurut beberapa orang yang pernah menjadi mangsa sengatan *irukandji* ini, mereka terpaksa menghadapi kesakitan yang amat sangat selama beberapa jam sebelum racun daripada sengat itu hilang. Tidak ramai orang yang mati akibat sengatan *irukandji* tetapi kesakitan yang terpaksa dialami mangsa sudah cukup untuk menggerunkan sesiapa sahaja.

Berdasarkan petikan karangan di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

21. Ampai-ampai kotak sukar dilihat kerana _____.
 (1) badannya sangat halus
 (2) badannya kecil dan telus
 (3) sesungutnya sangat panjang
 (4) sesungutnya sangat beracun ()
22. Seseorang mangsa sengat ampai-ampai kotak perlu dibawa ke hospital dengan segera untuk _____.
 (1) mengurangkan jeritan mangsa
 (2) mengurangkan cuka dari badan
 (3) menghilangkan kesakitan yang dialami
 (4) menghilangkan bisa sengatan binatang tersebut ()
23. Ampai-ampai *irukandji* menakutkan kerana _____.
 (1) ia sebesar satu sentimeter
 (2) boleh didapati di seluruh dunia
 (3) dinamakan sempena sebuah suku kaum di Australia
 (4) mangsa sengatannya terpaksa menanggung kesakitan selama beberapa jam ()
24. Perkataan **menghuni** dalam petikan bermaksud _____.
 (1) menjalani (2) mendiami
 (3) menduduki (4) menghantui ()
25. Persamaan antara ampai-ampai kotak dengan ampai-ampai *irukandji* ialah kedua-duanya _____.
 (1) membawa maut dengan segera
 (2) mempunyai sesungut yang pendek
 (3) menghentikan degupan jantung dengan serta-merta
 (4) memberi kesakitan yang amat sangat pada mangsanya ()

BAHAGIAN E FRASA (4 × 2 markah)

Isi setiap tempat kosong dalam dialog di bawah ini dengan frasa yang paling sesuai mengikut konteks. Kemudian, tulis angka jawapan pilihan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

- (1) tidak tahu apa maksudmu
- (2) tergila-gilakan Puteri Salju
- (3) membiarkan sesiapa pun mengatasi beta
- (4) ingin dipuja oleh pemuda-pemuda
- (5) tidak percaya dengan kata-katamu
- (6) menyuruh pengawal membunuhnya

Cermin Ajaib: Puteri Saljulah wanita tercantik di kota ini, wahai Permaisuri!

Permaisuri: Cis! Mana mungkin? Beta (26)_____. Pasti kamu berbohong! Baru semalam kamu katakan betalah yang tercantik!

Cermin Ajaib: Hamba tidak pernah bercakap bohong, Permaisuri. Puteri Salju memang wanita tercantik di kota ini kini. Ramai anak muda (27)_____. Mereka tertarik dengan keayuannya, Permaisuri.

Permaisuri: Ah, beta tidak akan biarkan perkara ini. Seharusnya betalah yang tercantik. Beta tidak akan (28)_____.

Cermin Ajaib: Apakah yang akan Permaisuri lakukan?

Permaisuri: Beta akan (29)_____. Apabila Puteri Salju tiada lagi, pasti beta akan kembali menjadi wanita tercantik di dunia ini!

BAHAGIAN F KEFAHAMAN 2 (32 markah)*Teliti brosur yang berikut.*



Kelab Masyarakat Jelapang

3, STREET 3, WOODLANDS

Aktiviti-aktiviti Cuti Sekolah bulan Jun

Klinik Bolasepak



Sesi A
(Untuk kanak-kanak berusia 6–10 tahun)
Hari: Setiap Sabtu (4 sesi)
Masa: 3.30 petang – 4.30 petang

Sesi B
Terbuka kepada para remaja (12–16 tahun)
Hari: Setiap Ahad (4 sesi)
Masa: 3.30 petang – 4.30 petang

Kelas Melukis
(Untuk kanak-kanak berusia 5–10 tahun)

Anak-anak anda akan diajar melukis oleh pelajar-pelajar seni lukis dari Sekolah Seni Singapura!

Hari: Setiap Jumaat (4 sesi)
Masa: 7.30 malam – 9.00 malam
Yuran: \$30

Sesi terakhir akan diadakan di Zoo Negara pada 26/06!



Asah bakat anda dalam sukan kegemaran ramai ini. Klinik Sukan kami secara percuma!

Kelas Memasak
(Untuk kanak-kanak berusia 5–10 tahun)

Para ibu bapa sekalian! Adakah anak anda minat memasak? Daftarkan anak anda untuk kelas memasak kami.

Hari: Setiap Isnin (4 sesi)
Masa: 7.30 malam – 9.00 malam
Yuran: \$30

Pelajari cara membuat spageti, piza, kek cawan, biskut dan sebagainya!



Kunjungi kami di pejabat kami dari pukul 9 pagi hingga pukul 5 petang untuk mendaftar.

Berdasarkan brosur di halaman 9, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

30. Kebanyakan kelas-kelas yang dianjurkan dikhaskan untuk _____.
(2 markah)
(1) ibu-ibu (2) bapa-bapa
(3) para remaja (4) kanak-kanak ()
31. Para peserta _____ akan mengikuti sebuah sesi di taman haiwan.
(2 markah)
(1) kelas melukis (2) kelas memasak
(3) klinik bolasepak (4) kelab masyarakat ()
32. Klinik bolasepak untuk remaja akan diadakan pada hari _____.
(2 markah)
(1) Isnin (2) Ahad
(3) Sabtu (4) Jumaat ()
33. Kanak-kanak **tidak** akan belajar membuat _____ dalam kelas memasak. (2 markah)
(1) kek (2) piza
(3) spageti (4) minuman isotonik ()
34. Sebagai ketua Kelab Kegiatan Luar sekolah kamu, kamu ditugaskan mencari aktiviti yang sesuai untuk anggota kelab kamu pada cuti sekolah yang akan datang. Kamu perlu memberi dua sebab mengapa anggota kelab kamu patut menyertai aktiviti di Kelab Masyarakat Jelapang.

Gunakan informasi yang terdapat di dalam brosur di halaman 9 untuk meyakinkan rakan-rakan kamu. (4 markah)

Kawan-kawan, kita perlulah mengisi masa cuti kita dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Dengan itu, saya cadangkan yang kita mengambil bahagian dalam beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab Masyarakat Jelapang.

Baca petikan karangan di bawah ini dengan teliti.

Di dalam sebuah busut di tepi sungai tinggal beribu-ribu ekor semut hitam. Pada suatu hari, Raja Semut jatuh sakit. Semua semut hitam pun berkumpul. "Wahai semut-semut hitam! Raja kita sedang sakit. Ubat untuk penyakit itu ialah gula biru," kata Bendahara Semut.

"Di manakah kita boleh mendapatkan gula itu?" seekor semut bertanya.

"Gula biru itu hanya boleh didapati di dalam gua di atas Bukit Seri," jawab Bendahara Semut tadi. Setelah mendengar **penjelasan** Bendahara Semut, semua semut **tergamam**. Gua itu merupakan tempat tinggal sekumpulan semut merah yang sangat zalim dan ganas. Saiz mereka pula tiga kali ganda lebih besar daripada semut hitam. Semua semut hitam takut kepada semut merah.

Tiba-tiba, terdengar suara seekor semut, "Saya akan pergi ke gua itu. Saya akan membawa pulang gula itu." Semua semut lain mentertawakan semut itu. Semut itu bernama Timot. Semut-semut lain mengejek saiznya yang kecil dan usianya yang muda. Namun, Timot tidak takut. Azamnya sangat kuat. Timot memulakan perjalanannya. Apabila Timot tiba di gua itu, dia terlihat seekor semut merah. Semut merah itu sedang menggolekkan seketul gula yang sangat besar. Timot pun meminta gula tersebut daripada semut merah itu. Semut merah itu menjadi marah dan mahu memakan Timot. Walau bagaimanapun, Timot mendapat akal. Timot mencabar semut merah itu untuk memakan gula biru itu sebelum memakannya.

Semut merah itu menyahut cabaran Timot. Setelah beberapa minit perut semut merah menjadi besar tapi semut merah teruskan juga memakan gula itu. Akhirnya, perut semut itu menjadi seperti belon lalu pecah. Timot mengambil sisa gula itu. Dia pulang ke tempatnya dengan senang hati. Dia akan dapat menyembuhkan Raja Semut dengan gula biru itu.

Berdasarkan petikan karangan yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu itu di tempat kosong yang disediakan.

35. Di manakah tempat tinggal semut hitam? (2 markah)

36. Apakah ubat yang diperlukan oleh Raja Semut? (2 markah)

37. "Semua semut hitam takut kepada semut merah." Berikan **dua** sebabnya. (4 markah)

38. Semut-semut lain memperkecilkan Timot. Berikan **dua** bukti. (4 markah)

39. Pada pendapat kamu, mengapakah Timot senang hati di akhir cerita ini? Jelaskan **dua** perkara yang telah Timot lakukan. (4 markah)

40. (a) Berdasarkan petikan karangan di halaman 11, berikan maksud perkataan-perkataan yang berikut dengan menggunakan tidak lebih daripada lima patah perkataan.

(i) tergamam (1 markah)

(ii) penjelasan (1 markah)

(b) Terdapat perkataan dalam petikan di halaman 11 yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa di bawah. Kenal pasti perkataan tersebut. Kemudian tulis jawapan kamu di tempat kosong yang disediakan.

(i) mempermainkan dan menghina - _____ (1 markah)

(ii) menolak untuk menggerakkan sesuatu - _____ (1 markah)